


keusahawanan

Karnival di luar kampus beri cabaran baharu



Aneka gerai jualan memeriahkan BIZCARNIVAL 2016.



Penganjuran program mendapat sambutan memberangsangkan daripada pengunjung.

Oleh Meor Ahmad
 Nasriin Rizal Ishak
 meor.ahmad@bh.com.my

► Serdang

Unit Keusahawanan, Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) Kuala Lumpur, menganjurkan BIZCARNIVAL 2016 yang julung kali berlangsung di luar kampus itu bertujuan menyuntik pendedahan dunia perniagaan sebenar kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) terbabit.

Program kerjasama dengan Kelab Usahawan KUPTM Kuala Lumpur itu diadakan selama dua hari di lokasi parkir bersebelahan padang Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, baru-baru ini.

Ketua unit itu, Noor Fazni Harun, berkata penganjuran karnival berkenaan membolehkan pelajar terbabit bersaing secara lebih terbuka di luar KUPTM Kuala Lumpur.

“Program ini juga

membuka peluang untuk pelajar menjana pendapatan sampingan bagi menampung perbelanjaan harian mereka di kampus.

Aneka produk

“Selain itu, penganjuran ini memberi cabaran baharu kepada ahli jawatankuasa Kelab Usahawan bawah kendalian saya untuk belajar menguruskan program lebih besar daripada biasa,” katanya.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan Ekonomi KUPTM Kuala Lumpur berkata, 11 pelajar selaku ahli jawatankuasa Kelab Usahawan berperanan mengendalikan gerai jualan disediakan.

“Inisiatif ini selaras hasrat MARA melahirkan lebih ramai usahawan mahasiswa. MARA bersama tagline ‘Keusahawanan dan Pendidikan Global’, melaksanakan pelbagai usaha strategik bagi memupuk daya inovasi dan keusahawanan dalam kalangan generasi muda,” katanya.

Fakta nombor

BIZCARNIVAL 2016

30 GERAJ
 jualan dibuka